

Company Name : NexG Berhad
Date : 24 September 2025
Source : Berita Harian

NexG Labur RM250 Juta Tingkat Keupayaan Pengeluaran Passport, MyKad



Abu Hanifah (tengah) dan Mohd Khairul Adib (kiri) pada sidang media selepas majlis menandatangani perjanjian kerjasama antara NexG bersama syarikat swasta dan agensi kerajaan di Cyberjaya, hari ini - NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

CYBERJAYA: NexG Bhd, sebelum ini dikenali sebagai Datasonic Group Bhd, merancang untuk melabur RM250 juta bagi melaksanakan pelan pengembangan dua fasa yang bertujuan meningkatkan kapasiti pengeluaran serta memperkasa keupayaan percetakan selamat.

Pengerusi Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Abu Hanifah Noordin, berkata pelan itu adalah sebahagian daripada usaha syarikat memperkukuhkan

kedudukan sebagai peneraju nasional dalam penyelesaian identiti selamat, selain merebut peluang pertumbuhan dalam pasaran serantau dan antarabangsa.

"Kontrak ini bukan titik penamat tetapi landasan untuk mempercepatkan pengembangan. Dengan naik taraf Fasa 1 yang menggandakan pengeluaran passport tahunan dan memperkukuh MyKad serta kad identiti lain dengan lebih cekap dan selamat, serta Fasa 2 yang membina fasiliti canggih, NexG akan bersedia memenuhi pasaran domestik dan antarabangsa," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Pengerusi NexG, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman dan Ketua Pegawai Strategi, Jorrine Ang Pei Gaik.

Fasa pertama pelan pengembangan itu memberi tumpuan kepada naik taraf segera fasiliti sedia ada untuk menyokong kontrak kerajaan bernilai RM1.73 bilion bagi pengeluaran passport Malaysia.

Langkah itu juga dijangka menempatkan Malaysia sebagai antara hab teknologi percetakan selamat terkemuka di rantau ini.

Antara naik taraf utama dalam fasa berkenaan ialah kerjasama dengan IXLA SRL dari Itali yang membekalkan pencetak XPRINT berasaskan laser dan pewarnaan peribadi.

Teknologi itu akan meningkatkan ketepatan ukiran serta ciri keselamatan warna pada passport Malaysia.

Selain itu, Komori Corporation dari Jepun pula membekalkan mesin cetak offset keselamatan tinggi Komori Lithrone SX29 yang menawarkan tahap automasi lebih tinggi, pemeriksaan sebaris serta pencetakan mesra alam.

Gabungan teknologi baharu itu bukan sahaja menggandakan kapasiti pengeluaran passport, malah turut memperkukuh penghasilan dokumen identiti lain seperti MyKad dan kad keselamatan lain yang memerlukan tahap integriti tinggi.

Fasa kedua pula membabitkan pembinaan fasiliti baharu berteknologi tinggi lengkap dengan automasi canggih dan sistem digital bersepadu.

Setelah siap, fasiliti itu dijangka meningkatkan kapasiti pengeluaran tahunan sehingga tiga kali ganda berbanding fasa pertama.

Menurut Abu Hanifah, pelaburan itu adalah bukti komitmen NexG untuk menyediakan dokumen identiti yang lebih selamat, cekap dan mampan dalam jangka panjang.

Beliau menambah, fokus syarikat kini bukan sahaja memenuhi permintaan domestik tetapi juga meluaskan pengaruh ke rantau ASEAN dan Afrika.

"Rantau ini masih memerlukan dokumen identiti selamat seperti pasport polikarbonat. Dengan pengalaman dan kos kompetitif, NexG bersedia menawarkan penyelesaian bertaraf dunia pada harga yang berpatutan," katanya.

Selari dengan hala tuju transformasi digital, NexG turut melancarkan platform MyNasional, yang direka sebagai ekosistem digital nasional berasaskan identiti selamat, kecerdasan buatan (AI) dan data pintar.

Platform itu dijangka memperkukuh tadbir urus digital kerajaan, membantu perniagaan, selain memberi manfaat terus kepada rakyat dalam bentuk perkhidmatan e-kerajaan, subsidi serta transaksi digital.

NexG melalui anak syarikat milik penuhnya, Datasonic Technologies Sdn Bhd (DTSB), memperoleh kontrak baharu bernilai RM1.73 bilion daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk membekalkan pasport Malaysia.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia akhir bulan lalu, menerusi kontrak enam tahun itu, DTSB akan membekalkan pasport kepada Jabatan Imigresen bermula 1 Jun 2026 hingga 31 Mei 2032.

Buku pesanan NexG ketika ini mencecah RM2.3 bilion hasil daripada pelbagai projek kerajaan, termasuk kontrak baharu passport, sekali gus memberi jaminan kepada prospek pendapatan jangka sederhana dan panjang.